



**Jurnal Qiraat**  
 Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
 Universiti Islam Selangor (UIS)  
 Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor  
 2023, VOL 6, Bil 2, Halaman 51-60

## **Penerapan Ilmu Qiraat dalam Kuliah Tafsir di Negeri Kelantan: Suatu Sorotan Literatur**

### ***Application of Qiraat Knowledge in Tafsir Lectures in Kelantan State: A Literature Review***

**Ismail Abdul Halim<sup>1\*</sup>, Khairulnazrin Nasir<sup>2</sup>, Ikmal Adnan<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Jabatan al-Quran dan Hadis, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia.

<sup>2</sup> Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia.

<sup>3</sup> Jabatan al-Quran dan Hadis, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia.

\* Corresponding Author: Wan Ismail bin Abd Halim. Jabatan al-Quran dan Hadis, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, khadimulquran@yahoo.com, 0139925391, ORCID iD.

#### **ABSTRACT**

*The science of recitation is a science that not only plays a role in the reading aspect of the Qur'an but it also plays an important role in the interpretation of the verses of the Qur'an so that tafsir scholars put it as one of the conditions in the interpretation of the Qur'an. This becomes a very significant thing to say that the presenters of tafsir lectures in mosques or public places also need to apply the Knowledge of qiraat in their preparation. However, previous studies have noted that many among Islamic scholars in Malaysia still think that the science of recitation has nothing to do with understanding the Qur'an. This is a sign that the application of such knowledge is not taken seriously by tafsir lecturers in Malaysia. This study aims to create a theoretical basis for the study of the application of the knowledge of qiraat in tafsir lectures in the state of Kelantan by gathering previous studies related to the application of the knowledge of qiraat in the interpretation of the Qur'an in the state and then analyzed to see to what extent the application of the knowledge of qiraat has been taken into account by the researchers. The method used in this study is literature analysis. The data and information obtained are taken from sources such as journal articles, books, and conference papers that are relevant to the topic of the application of qiraat knowledge in tafsir lectures in the state of Kelantan. From the literature analysis done, it was found that there is still no study focused on the application of the knowledge of qiraat in tafsir lectures in the state of Kelantan. The aspects touched by the previous study only involved the science of recitation from one side only without connecting it with the interpretation of the Quran. This study concludes that the aspect of the relationship between the science of qiraat and tafsir needs to be given attention by researchers and writers because its importance is certified by the tafsir scholars themselves, in addition to stating the need to conduct a study that determines the level of knowledge of the relationship between the two sciences among tafsir lecturers and the extent of its application.*

#### **Keywords**

*Knowledge of recitation; Application; Lectures; Tafsir; Kelantan*

## ABSTRAK

Ilmu qiraat adalah satu ilmu yang bukan hanya berperanan pada aspek bacaan al-Quran tetapi ia juga memainkan peranan penting dalam pentafsiran ayat al-Quran sehingga ulama tafsir meletakkan ia sebagai salah satu syarat dalam pentafsiran al-Quran. Ini menjadi satu perkara yang amat signifikan untuk dikatakan bahawa para penyampai kuliah tafsir di masjid-masjid atau tempat awam juga perlu menerapkan ilmu qiraat dalam syarahan mereka. Namun, kajian lepas telah mencatatkan bahawa ramai dalam kalangan ilmuwan Islam di Malaysia masih menganggap bahawa ilmu qiraat tiada kaitannya dengan kefahaman al-Quran. Hal ini menjadi satu petanda bahawa penerapan ilmu tersebut tidak diambil berat oleh para pengkuliah tafsir di Malaysia. Kajian ini bertujuan mewujudkan landasan teori bagi kajian penerapan ilmu qiraat dalam kuliah tafsir di negeri Kelantan. Ia dijayakan dengan mengumpulkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penerapan ilmu qiraat dalam pentafsiran al-Quran di negeri tersebut. Kajian-kajian lepas tersebut dianalisis bagi melihat sejauh mana aspek penerapan ilmu qiraat telah diambil perhatian oleh para pengkaji. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan penganalisan data berasaskan konsep analisis literatur. Data dan informasi diperoleh daripada sumber-sumber seperti artikel jurnal, buku, dan makalah persidangan yang relevan dengan topik penerapan ilmu qiraat dalam kuliah tafsir di negeri Kelantan. Daripada analisis literatur yang dilakukan, didapati masih belum ada kajian yang ditumpukan kepada aspek penerapan ilmu qiraat dalam kuliah tafsir di negeri Kelantan. Aspek-aspek yang disentuh oleh kajian lepas hanya melibatkan ilmu qiraat secara sebelah pihak sahaja tanpa menghubungkannya dengan tafsir al-Quran. Kajian ini menyimpulkan bahawa aspek hubungan Ilmu qiraat dengan tafsir perlu diberikan perhatian oleh para pengkaji dan penulis kerana kepentingannya diperakui oleh ulama tafsir sendiri. Di samping itu, kajian ini menegaskan keperluan diadakan satu kajian yang menentukan tahap pengetahuan hubungan dua ilmu tersebut dalam kalangan para pengkuliah tafsir justeru menilai sejauh mana pengaplikasiannya.

## Kata Kunci

Ilmu Qiraat; Penerapan; Kuliah; Tafsir; Kelantan

## 1.0 PENDAHULUAN

Ilmu qiraat merupakan satu cabang daripada ilmu syariat yang bersangkutan dengan bacaan al-Quran. Imam Ibn al-Jazari mendefinisikan ilmu ini sebagai suatu ilmu yang membicarakan tentang tatacara menunaikan bacaan kalimah-kalimah al-Quran sama ada yang disepakati dan juga yang terdapat perbezaan secara dinisbahkan tatacara tersebut kepada para perawinya (Ibn al-Jazari, 1980).

Apabila disebut ilmu syariat bererti ia bukan dijana melalui kefahaman dan ijtihad para ulama tetapi ia adalah satu ilmu yang diperturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan wahyu ilahi. Justeru, kedudukannya adalah kedudukan sumber utama syariat Islam sama ada al-Quran atau hadis nabawi.

Para ulama telah bersepakat (*ijma'*) bahawa selain daripada qiraat sepuluh kecil (*shughra*) dan besar (*kubra*) adalah dikira sebagai qiraat *shadhdhah* yang tidak diperakui sebagai al-Quran. Adapun qiraat sepuluh kecil dan besar itu diperakui sebagai al-Quran dan boleh dibaca di dalam solat dan di luar solat (Khalid Hasan Abu al-Jud, 2006).

Para ulama tafsir juga menyatakan bahawa ilmu qiraat itu bukan setakat mempengaruhi bacaan al-Quran, bahkan ia juga mempengaruhi aspek pentafsiran al-Quran dan juga hukum-hakam yang diambil (*istinbat*) daripada al-Quran sehingga ia digariskan sebagai prasyarat untuk ditafsirkan al-Quran (Nuruddin 'Itr, 1993). Namun, menjadi satu persoalan apakah kepentingan ilmu qiraat kepada pentafsiran al-Quran ini diambil peduli oleh para pengkuliah tafsir khususnya dalam konteks Negara Malaysia? Persoalan ini ditimbulkan kerana terdapat fakta melalui satu kajian yang telah dijayakan oleh Mohd A'Tarhim Mohd Razali (2016) yang menyatakan bahawa pendedahan mengenai ilmu qiraat dalam kalangan ilmuwan Islam di Malaysia tidak menyeluruh bahkan hanya tertumpu kepada metode bacaan dan aspek historikal. Ini menzahirkan bahawa ilmuwan Islam di Malaysia ini masih belum terdedah dengan baik mengenai peranan Ilmu qiraat kepada tafsir al-Quran.

Atas dasar inilah pengkaji merasakan satu keperluan untuk dipastikan sejauhmana pengetahuan dan penerapan ilmu qiraat dalam pentafsiran al-Quran di kalangan para penyampai tafsir al-Quran, khususnya para penyampai di medan umum kerana mereka merupakan saluran utama ilmu kepada masyarakat umum. Namun, sebelum sampai kepada peringkat tersebut satu landasan teori perlu dibina terlebih dahulu bagi memastikan sejauhmana kajian berkaitan qiraat dan tafsir pernah dilaksanakan supaya tidak berlaku pertindihan maklumat serta mengukuhkan lagi asas kepada maksud kajian.

## 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- (1) Mengkaji sejauhmana pengkajian terhadap ilmu qiraat dan tafsir di negeri Kelantan yang telah dijalankan.
- (2) Menganalisis elemen penerapan ilmu qiraat terhadap pentafsiran al-Quran dalam kajian-kajian lepas di negeri Kelantan.

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dikendalikan dengan menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kepustakaan. Data-data dikumpulkan melalui kajian-kajian lepas yang terdiri daripada artikel dalam jurnal, kertas prosiding, tesis dan sebagainya. Data-data kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Fraenkel & Wallen (2007) menyatakan analisis kandungan adalah sebuah alat penelitian yang difokuskan pada kandungan sebenar dan ciri dalaman media. Teknik ini dapat digunakan peneliti untuk mengkaji perilaku manusia secara tidak langsung melalui analisis terhadap komunikasi mereka seperti: buku teks, esei, akhbar, novel, artikel majalah, lagu, gambar iklan dan semua jenis komunikasi yang dapat dianalisis. Justeru, pengkaji meneliti isi kandungan perkara yang berkaitan dengan ilmu qiraat, tafsir dan penerapan ilmu qiraat kepada pentafsiran.

## 4.0 ANALISIS DAN DAPATAN

Perbincangan analisis dan dapatan dimulakan dengan perbincangan terhadap hubungan qiraat dan tafsir kerana perkaitannya yang amat rapat dengan tajuk kajian ini. Setelah itu, perbincangan diteruskan dengan perbincangan terhadap analisis kajian lepas berkenaan aspek penerapan ilmu qiraat dalam pentafsiran al-Quran secara umum dan seterusnya secara khusus di negeri Kelantan.

### 4.1 HUBUNGAN QIRAAT DAN TAFSIR

Menurut al-Zurqani (1995), terdapat tiga jenis pentafsiran al-Quran. Iaitu:

- (1) Tafsir *Bi al-Ma'thur*
- (2) Tafsir *Bi al-Ra'y*
- (3) Tafsir *Bi al-Isyarah*

Jenis tafsir yang berkaitan dengan ilmu qiraat adalah yang pertama iaitu Tafsir *Bi al-Ma'thur*. Tafsir *Bi al-Ma'thur* bererti pentafsiran al-Quran dengan al-Quran, atau dengan sunnah Nabi SAW, atau dengan pernyataan daripada para sahabat Nabi SAW atau dengan pernyataan daripada tabiin (al-Zurqani, 1995).

Penerimaan para ulama terhadap pentafsiran al-Quran dengan al-Quran dan juga pentafsiran al-Quran dengan al-Sunnah adalah secara sebulat suara. Namun, pada pentafsiran al-Quran yang disandarkan kepada para sahabat para ulama berselisih pendapat mengenainya. Antara mereka ada yang menerimanya secara mutlak dan ada juga yang meletakkan syarat bahawa ia mesti dipastikan bukan berdasarkan ijtihad mereka (al-Zurqani, 1995).

Imam Ibn Taimiyyah (1972) dan juga al-Zarkashi (1984) telah memperincikan lagi mengenai *Tafsir bi al-Ma'thur* ini lalu menjelaskan bahawa peringkat pertama dalam pentafsiran al-Quran adalah pentafsiran al-Quran dengan al-Quran itu sendiri. Jika tidak didapati pentafsirannya dalam al-Quran maka boleh berpindah kepada



peringkat kedua iaitu pentafsiran al-Quran dengan sunnah Nabi SAW. Jika tidak didapati juga di dalam sunnah Nabi SAW maka perlu dirujuk pula kepada pernyataan para sahabat Nabi SAW. Sekiranya tidak juga dijumpai maka kebanyakan ulama merujuk kepada pernyataan tabiin pula.

Oleh kerana qiraat al-Quran secara umumnya terbahagi kepada dua klasifikasi iaitu qiraat yang diterima sebagai al-Quran dan qiraat yang tidak boleh diterima sebagai al-Quran, maka hubungan antara qiraat dengan tafsir al-Quran khususnya dengan *Tafsir Bi al-Ma'thur* ini juga adalah berbeza bergantung kepada klasifikasi yang ditentukan atas suatu qiraat.

#### 4.2 QIRAAT YANG DITERIMA SEBAGAI AL-QURAN

Qiraat yang boleh diterima sebagai al-Quran dalam erti kata boleh dibaca di dalam solat dan di luar solat serta mendapat pahala bacaan al-Quran dengan membacanya hanya Qiraat *Mutawatirah* dan ia telah dibataskan kepada *al-Qiraat al-'Ashr* (Qiraat Sepuluh) sahaja (Muhammad Tamim al-Zu'bi, 2015; 'Abd al-Wahhab 'Ali al-Subki, 2003) iaitu yang terangkum dalam qiraat sepuluh kecil (*shughra*) dan besar (*kubra*) (Muhammad Ahmad Muflih al-Qudat, Ahmad Khalid Shukri & Muhammad Khalid Mansur, 2001). Oleh itu, hubungan qiraat daripada kategori ini dengan *Tafsir Bi al-Ma'thur* adalah pada tahap pertama iaitu pentafsiran al-Quran dengan al-Quran. Ini kerana setiap qiraat dengan qiraat yang lain adalah pada status yang sama iaitu layak dibaca sebagai al-Quran.

Perkara ini turut disokong juga oleh Muhammad 'Umar Bazmul (1993) dalam kajian tesis kedoktoran beliau yang menyatakan bahawa "makna pentafsiran yang lahir daripada perbezaan antara qiraat yang diterima sebagai al-Quran adalah satu jenis daripada pentafsiran al-Quran dengan al-Quran"(ms. 304).

#### 4.3 QIRAAT YANG TIDAK DITERIMA SEBAGAI AL-QURAN

Qiraat yang tidak diterima dan tidak boleh dibaca sebagai al-Quran ada tiga kategori (al-Sayyid Rizq al-Tawil, 1985). Iaitu:

- (1) Qiraat yang diriwayatkan oleh perawi yang tidak boleh dipercayai (*ghair thiqah*) tetapi ia selaras dengan Rasm Uthmani dan Bahasa Arab.
- (2) Qiraat yang diriwayatkan oleh perawi dipercayai (*thiqah*) akan tetapi berlawanan dengan bahasa Arab walaupun ia selaras dengan tulisan Rasm Uthmani. Imam Ibn al-Jazari mengatakan bahawa qiraat ini amat sedikit dan hampir tiada kerana ia wujud kerana kesalahan dan kecuaiannya perawi (Ibn al-Jazari, 2006).
- (3) Qiraat yang diriwayatkan oleh perawi dipercayai (*thiqah*) dan selaras dengan bahasa Arab akan tetapi ia berlawanan dengan Rasm Uthmani.

Walaupun qiraat-qiraat yang tidak diterima sebagai al-Quran itu ada pelbagai jenis, namun ulama menamakannya secara umum sebagai Qiraat *Shadhdhah*.

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai Qiraat *Shadhdhah* ini dari sudut kelayakannya menjadi hujah dalam hukum dan juga pentafsiran al-Quran. Majoriti ulama beranggapan bahawa Qiraat *Shadhdhah* layak menjadi hujah dalam hukum begitu juga dalam mentafsirkan al-Quran. Pendapat tersebut dipegang oleh Abu Hanifah, Ahmad bin Hanbal, satu pendapat dalam mazhab Maliki dan pendapat yang paling sahih bagi mazhab Syafie (Abdullah al-Qurashi, 2009). Menurut Mustafa Sa'id al-Khin (2000), pendapat yang dinisbahkan kepada Imam Syafie selain ini adalah tidak benar.

Namun, perlu difahami juga bahawa pendapat majoriti ini tidak terpakai kepada semua jenis Qiraat *Shadhdhah* tetapi ia hanya terpakai kepada Qiraat *Shadhdhah* yang sahih jalur periwayatannya dan tidak ditolak atau berlawanan dengan Qiraat *Mutawatirah* atau dipanggil Qiraat '*Ahad* seperti yang dijelaskan oleh Abdullah al-Qurashi (2009). Apa yang disebut oleh beliau ini adalah senada dengan apa yang diisyaratkan oleh Makki bin Abi Talib al-Qaisi dalam kitabnya *al-Ibanah* tatkala beliau membahagikan Qiraat *Shadhdhah* itu kepada dua iaitu yang diterima tetapi tidak boleh dibaca sebagai al-Quran dan yang tidak diterima dan tidak boleh dibaca sebagai al-Quran. Menurut beliau yang



diterima tetapi tidak boleh dibaca sebagai al-Quran itu adalah qiraat yang diriwayatkan oleh perawi *thiqah* dan menepati bahasa Arab walaupun tidak menepati Rasm Uthmani (Makki Abi Talib al-Qaisi, 1960).

Selain itu, kita juga dapat melihat di dalam kitab-kitab tafsir muktabar yang telah dikarang oleh para ulama silam ramai yang menjadikan Qiraat *Shadhdhah* sebagai sumber dalam pentafsiran mereka seperti al-Tabari, Ibn 'Atiyyah, Abu Hayyan, Ibn al-Kalbi dan lain-lain (Abdullah al-Qurashi, 2009).

Pendapat majoriti ulama ini adalah berdasarkan kepada hujah bahawa qiraat yang diriwayatkan secara *ahad* (tidak *mutawatir*) ini berada pada dua perkara iaitu sama ada ia benar-benar al-Quran atau ia sekadar khabar yang didengar oleh para sahabat daripada Nabi SAW. Kedua-dua kebarangkalian ini diterima dan boleh dijadikan hujah dalam amalan (Ibn Qudamah, 1998; Ahmad al-Kurani, 2008).

Golongan minoriti dalam kalangan ulama seperti Imam Nawawi, yang zahir daripada pendapat ulama Maliki, pendapat sebahagian ulama mazhab Syafie, dan pendapat Ibn Hazm al-Zahiri menolak kelayakan Qiraat *Ahad* sebagai hujah (Abdullah al-Qurashi, 2009). Penolakan tersebut adalah kerana bagi mereka kedudukan qiraat tersebut adalah di antara tiga kebarangkalian, sama ada ia al-Quran dan ini tentu sekali salah kerana al-Quran hanya yang *mutawatir* atau ia khabar daripada Nabi SAW atau mungkin ia hanya pendapat sahabat Nabi SAW tersebut (al-Amidi, 2003). Kaedah dalam usul menyatakan apabila ada keraguan (*ihimal*) kepada dalil maka terbatal kelayakannya menjadi dalil ('Abd al-Karim al-Namlah, 1999).

Kesimpulannya, Qiraat *Shadhdhah* daripada kategori '*Ahad* yang tidak berlawanan dengan bahasa Arab walaupun ia tidak boleh berperanan sebagai pentafsiran al-Quran dengan al-Quran namun ia masih berperanan sebagai pentafsiran al-Quran dengan al-Sunnah dan ini sebagaimana pendapat majoriti ulama. Manakala, mengikut pendapat minoriti ulama ia setidak-tidaknya berperanan sebagai pentafsiran al-Quran dengan kata-kata para sahabat.

#### 4.4 PENERAPAN ILMU QIRAAT DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN

Sejak daripada awal pembukuan kitab tafsir lagi ilmu qiraat dilibatkan dalam pentafsiran al-Quran. Ini boleh dilihat pada kitab-kitab tafsir yang terawal seperti tafsir Ibn Jarir al-Tabari, Ibn Kathir, al-Baghawi dan lain-lain. Namun, antaranya ada yang sekadar menukulkan kewujudan qiraat pada ayat tanpa membuat perkaitan dan penerapan dalam pentafsiran.

Penulisan khusus yang menumpukan kepada aspek penerapan ilmu qiraat kepada pentafsiran ini telah dilakukan oleh ramai penulis dan pengkaji. Antaranya Muhammad 'Umar Salim Bazmul (1993) yang telah menjalankan kajian bagi menyempurnakan tesis doktor falsafah. Tesis beliau yang bertajuk "*Al-Qiraat wa Atharuha fi al-Tafsir wa al-Ahkam*" ini telah mengkategorikan bentuk-bentuk kesan qiraat kepada pentafsiran al-Quran. Begitu juga, dengan kitab "*Tafsir al-Quran bi al-Qiraat al-Qur'aniyyah al-'Ashr*" yang telah dikeluarkan oleh Universiti Islam Gaza. Kitab ini adalah kumpulan disertasi peringkat sarjana yang telah ditulis oleh ramai penulis bagi menyempurnakan pentafsiran al-Quran dengan qiraat sepuluh daripada awal al-Quran sehingga akhir. Ia ditulis sekitar tahun 2002 sehingga tahun 2008 dengan sebanyak 13 jilid (Abdullah Ali al-Mulahi, 2002).

Selain dua kajian di atas, penulisan secara fokus kepada aspek penerapan ilmu qiraat dalam pentafsiran al-Quran tidak menyeluruh kepada 30 juzuk al-Quran. Tetapi, ia hanya kajian bersifat kesimpulan dan ringkasan. Ini seperti apa yang dijalankan oleh Muhammad Irham (2020) yang telah menulis tajuk "Implikasi Perbezaan Qiraat Terhadap Penafsiran al-Quran" dengan memetik beberapa contoh daripada perbezaan qiraat dalam al-Quran. Asep Mustofa Kamal dan Ro'yu Nahriya (2022) dengan tajuknya "Implikasi Keragaman Qiraat Al-Quran Terhadap Tafsir dan *Istinbat* Hukum" telah memetik ayat yang lain pula serta penambahan mengenai implikasi qiraat kepada hukum pula.

Dalam konteks Malaysia, beberapa kajian yang ada hubungkait dengan penerapan ilmu qiraat dalam tafsir telah dikesan antaranya kajian yang telah dijayakan oleh Mohd Nazri Ahmad, Muhd Najib Abdul Kadir & Haziyah Hussin (2016) telah mengkaji metode pentafsiran dalam kitab tafsir *Nurul Ihsan*. Kitab ini adalah kitab tafsir pertama yang



ditulis dalam bahasa Melayu oleh Muhammad Said bin Umar. Ia diterbitkan buat kali pertamanya pada tahun 1934. Kajian tersebut mendapati bahawa metode pentafsirannya adalah menekankan elemen penerapan ilmu qiraat dalam pentafsiran al-Quran dan qiraat yang dijadikan hujah dalam tafsir beliau adalah Qiraat Mutawatirah dan juga *Shadhdhah* daripada kategori *Mudrajah* (Mohd Nazri Ahmad et.al, 2016).

Sabri Mohamad (2016) dalam kajiannya yang bertajuk “Pengaruh Ilmu Qira’at dalam Pengajian Islam” ada menyebut tentang penerapan ilmu qiraat dalam pentafsiran al-Quran. Beliau mendatangkan satu contoh daripada surah al-Baqarah iaitu ayat 10. Firman Allah SWT:

﴿فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ﴾

Maksudnya: *Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran)*

(al-Baqarah:10)

Dapatan kajian beliau menyimpulkan bahawa hasil penerapan ilmu qiraat dalam ayat ini telah memberikan kefahaman yang lebih meluas terhadap ayat ini kerana dengan bacaan yang biasa dibaca oleh rakyat Malaysia iaitu bacaan Hafs (يَكْذِبُونَ) hanya memahamkan bahawa orang munafik dijanjikan azab yang pedih adalah kerana mereka berdusta dalam perakuan iman dan Islam mereka, manakala bacaan yang lain iaitu qiraat Nafi’, Ibn Kathir, Abu Amr, Ibn Amir, Abu Ja’far dan Ya’qub (يُكْذِبُونَ) memahamkan bahawa janji tersebut adalah kerana mereka mendustakan Rasulullah SAW. Gabungan antara dua qiraat ini mempelbagaikan alasan mengapa mereka dijanjikan azab oleh Allah SWT dan mendedahkan kepelbagaian sifat orang munafik yang sebenar.

Izuli Dzulkifli dan Adibah Bahori (2016) dalam kajian mereka telah mengkategorikan beberapa kategori yang boleh dihasilkan oleh penerapan ilmu qiraat dalam pentafsiran dengan diberikan contoh-contohnya daripada ayat al-Quran. Kategori-kategori tersebut adalah:

- (1) Menerangkan hukum yang telah disepakati.
- (2) Menghasilkan hukum syarak yang berbeza.
- (3) Menghimpunkan hukum yang berbeza-beza.
- (4) Menentukan kekuatan hukum-hukum yang berbeza.
- (5) Mentafsirkan makna yang samar dan kurang difahami.
- (6) Menerangkan makna kalimah yang zahirnya adalah berlainan dengan maksud yang dikehendaki.

#### 4.5 KAJIAN BERKENAAN QIRAAT DI NEGERI KELANTAN

Pengkaji mendapati bahawa penulisan berkenaan dengan ilmu qiraat di Negeri Kelantan masih sedikit dan tidak meliputi kategori perbincangan ilmu tersebut secara sepatutnya. Tumpuan yang diberikan oleh para pengkaji hanya berlegar di sekitar faktor-faktor penguasaan ilmu qiraat, kajian tokoh serta sumbangannya kepada pengajian ilmu qiraat dan perbahasan mengenai sanad qiraat.

Kajian mengenai faktor-faktor penguasaan ilmu qiraat tersebut telah dilaksanakan di dua institusi pendidikan yang berbeza iaitu di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra dan Maahad Tahfiz al-Quran MAIK. Kedua-dua kajian ini mendapati bahawa penguasaan pelajar adalah pada tahap sederhana dalam aspek teori dan amali (Ahmad Mujahideen Haji Yusoff, Muhammad Amiri Ab Ghani, Noraini Mohd Noor, Norhanis Amran, 2021; Ahmad Mujahideen Yusoff, Muhammad Amiri Ab Ghani, Norhanis Amran, Ahmad Najib Abdullah, 2021). Adapun pada aspek penerapan ilmu qiraat sebagai medium untuk memahami tafsir al-Quran tidak disentuh oleh kajian ini.

Begitu juga kajian tokoh serta sumbangannya kepada pengajian ilmu qiraat. Tokoh yang telah dijadikan subjek kajian ialah Dato’ Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim. Kajian yang bertajuk “Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qira’at di Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap Peranan Dato’ Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim” yang telah ditulis oleh Ab



Rahman al-Qari Bin Abdullah, Shukeri Mohamad dan Zulkifli Bin Haji Mohd Yusoff (2012) ini telah mengkaji berkenaan peranan Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim dalam perkembangan ilmu qiraat khususnya di Kelantan dan Malaysia secara umumnya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim amat serius dalam pengajaran ilmu qiraat kerana beliau disifatkan sebagai susah untuk mengajar ilmu tersebut melainkan setelah pelajar yang ingin belajar telah teruji terlebih dahulu ketabahan mereka. Selain itu, beliau juga didapati telah menghasilkan karya dalam ilmu ini yang diberi judul "Suluhan Dar al-Na'im bagi penuntut bacaan Nafi' bin Abi Nu'aym". Karya ini digunakan oleh beliau bagi tujuan pengajaran di rumah. Ia merupakan antara karya terawal dalam bidang qiraat yang ditulis dengan tulisan jawi.

Di samping karya tersebut, Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim juga didapati telah mula mengajar ilmu qiraat kepada awam di Masjid Muhammadi dengan menggunakan kitab matan al-Shatibi. Kaedah pengajaran beliau adalah dengan menerapkan teori terlebih dahulu sebelum diikuti dengan praktikal dalam setiap surah secara mengikut susunan (Abdullah, A. al-Qari, Mohamad, S. & M. Yusoff, Z., 2012).

Walaupun Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim disifatkan sebagai ilmuwan dalam bidang qiraat, namun tiada data daripada kajian lepas yang merakamkan bahawa beliau menerapkan Ilmu qiraat dalam ilmu tafsir sekalipun beliau merupakan individu yang faqih dalam cabang-cabang ilmu Islam yang lain (Abdullah, A. al-Qari, Mohamad, S. & M. Yusoff, Z., 2012).

Perbincangan mengenai sanad qiraat pula turut menjadikan subjek kajiannya tokoh yang sama iaitu Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim. Kajian yang bertajuk "Keunikkan Sanad Dato' Haji Mohd Nor bin Haji Ibrahim" yang telah ditulis oleh Mohd Hasbie al-Shiddieque bin Ahmad (2022) ini telah menumpukan kepada keunikan sanad qiraat yang dimiliki oleh tokoh tersebut. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa sanad yang dimiliki oleh beliau adalah sanad tertinggi kerana ia diambil melalui jalur Muhammad Ali al-Dabba'. Selain itu, ia juga telah mendedahkan bahawa Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim bukan hanya menguasai Qiraat Tujuh tetapi juga Qiraat Sepuluh Besar (Qiraat *'Ashr Kubra*) (Ahmad, M.H.A., 2022).

#### 4.6 KAJIAN BERKENAAN TAFSIR DI NEGERI KELANTAN

Pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai tafsir di Negeri Kelantan difokuskan kepada beberapa perkara iaitu tinjauan dari sudut sejarah pengajian tafsir di Negeri Kelantan, keunikan tafsir yang disampaikan oleh tokoh tafsir, elemen islah dalam pengajaran tafsir oleh tokoh terkemuka dan pengajian tafsir di pondok moden.

Kajian mengenai sejarah pengajian tafsir di Negeri Kelantan bertajuk "Pengajian Tafsir di Kelantan: Satu Tinjauan Sejarah" yang telah ditulis oleh Mustafa Abdullah dan Mohd Asmadi Yaakob (2003) telah menyimpulkan bahawa pengajian tafsir di negeri tersebut bermula serentak dengan kemasukan Islam ke dalamnya. Ia dimulai dengan sistem pengajian tafsir secara pondok di mana kitab-kitab tafsir klasik dibaca kemudian diberikan ulasan pendek yang berkaitan dengan aspek tatabahasa dan apa yang dibaca. Metode penyampaian tafsir terus berkembang dengan kemasukan aliran islah dalam pentafsiran al-Quran yang turut menyentuh perihal ekonomi, politik dan sosial. Metode penyampaian seperti ini kebiasaannya diaplikasikan di arena persekolahan. Kini, pengajian tafsir turut disajikan kepada masyarakat awam melalui kuliah-kuliah tafsir yang dilangsungkan secara non formal dan percuma.

Seterusnya, kajian mengenai keunikan tafsir yang disampaikan oleh seorang tokoh tafsir di Negeri Kelantan telah memilih Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (TGNA) sebagai fokus kajian. Ia didasarkan kepada rakaman-rakaman kuliah yang telah disampaikan oleh TGNA di Dewan Zulkifli, Bangunan Pejabat PAS, Kota Bharu dan juga di Medan Ilmu. Antara perkara yang disentuh dalam kajian ini adalah manhaj tafsir TGNA, kaedah penyampaian, sumber pentafsiran dan banyak lagi. Walaupun perkara tersebut disentuh dalam kajian, namun pengkajinya tidak menyentuh berkenaan penerapan elemen qiraat dalam tafsir yang secara tidak langsung menghasilkan interpretasi bahawa TGNA tidak menerapkan elemen tersebut dalam pentafsirannya (Ahmad Najib Abdullah & Nor Hazrul Mohd Salleh, 2021).

Pemfokusan kajian terhadap kuliah tafsir TGNA tidak terhenti setakat itu sahaja, malah ia turut menarik minat pengkaji lain untuk mengkaji pula berkaitan elemen islah dalam pentafsirannya. Elemen islah yang dimaksudkan adalah garapan daripada apa yang digariskan oleh Muhammad ‘Abd al-‘Azim al-Zurqani dalam kitabnya *Manahil al-‘Irfan fi ‘Ulum al-Quran* yang merangkumi enam bentuk elemen islah. Dapatan kajian telah memastikan bahawa tafsiran TGNA telah menerapkan keenam-enam elemen tersebut dalam pentafsirannya (Mohd Ridwan Razali, Mustaffa Abdullah, Mohd Muhiden Abd Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, 2020).

Selain itu, pengkaji juga mendapati terdapat kajian yang menumpukan kepada pengajian tafsir di pondok moden Bachok. Hasil kajian mendapati bahawa pondok moden menggunakan kitab tafsir *al-Jalalain* sebagai kitab pengajaran. Perkara-perkara yang diberikan perhatian dalam pentafsiran adalah perincian asbab nuzul, *tanasub* (keselarasan antara) surah, pengertian kalimah dan ayat, *i’rab* dan qiraat secara ringkas dan padat seterusnya perbincangan ditumpukan kepada kesimpulan dalam pengambilan hukum-hakam daripada ayat-ayat hukum berdasarkan ijihad pengarangnya (Wan Fakhru Razi Wan Mohamad, Mohd Manawi Mohd Akib & Abdul Azis Awang Kechik, 2019). Walaupun kajian ini menyatakan bahawa elemen qiraat turut dibahaskan semasa pentafsiran, namun ia tidak menyatakan secara jelas apakah elemen tersebut diterapkan secara difahami kesannya kepada pentafsiran al-Quran. Perkara ini dipersoalkan adalah kerana dinyatakan bahawa elemen qiraat itu disebut secara ringkas dan padat ditambah pula dengan gaya penerangan kitab tafsir al-Jalalain yang ringkas dan tiada penerapan yang dimaksudkan berdasarkan pemerhatian pengkaji.

## 5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan sorotan kajian lepas yang telah dibahaskan, dapat dibuat kesimpulan di sini bahawa kajian berkenaan penerapan ilmu qiraat dalam kuliah tafsir belum dijalankan di negeri Kelantan, bahkan di Malaysia. Kajian yang berteraskan kuliah tafsir telah wujud tetapi pemfokusannya adalah kepada aspek lain. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian yang memberi fokus kepada perkara ini dijalankan bagi meneliti perkembangan para pengkualiah tafsir di negeri Kelantan.

## RUJUKAN

- Abd al-Karim al-Namlah.(1999). *al-Muhadhdhab fi ‘Ilm Usul al-Fiqh al-Muqarin*, Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Abdullah, A. al-Qari, Mohamad, S. & M. Yusoff, Z. (2012). Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qira’at di Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap Peranan Dato’ Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim. *Proceedings: The 2nd Annual International Qur’anic Conference 2012*, 71-84.
- ‘Abdullah al-Qurashi.(2009). Al-Qiraat al-Shadhdhah wa Atharuha fi al-Tafsir. *Majallah Ma’had al-Imam al-Shatibi li al-Dirasat al-Qur’aniyyah*, 7, 13-65.
- Abdullah Ali al-Mulahi.(2002). *Tafsir al-Quran bi al-Qiraat al-Quraniyyah al-‘Ashr*. Disertasi Sarjana. Universiti Islam Gaza.
- ‘Abd al-Wahhab ‘Ali al-Subki. (2003). *Jam’ al-Jawami’ fi Usul al-Fiqh*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad al-Kurani.(2008). *al-Durar al-Lawami’ fi Sharh Jam’ al-Jawami’*, Madinah: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Ahmad, M.H.A. (2022). Keunikkan Sanad Dato’ Haji Mohd Nor bin Haji Ibrahim. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 9(1), 54-75.
- Ahmad Najib Abdullah & Nor Hazrul Mohd Salleh. (2021). Keunikan Tafsir Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat. *AL-BASIRAH*, 11(1), 33-46.
- Al-Amidi.(2003). *al-Ihkam fi ‘Usul al-Ahkam*, Riyad: Dar al-Sumay’i.



- Al-Sayyid Rizq al-Tawil.(1985). *Fi 'Ulum al-Qiraat Madkhal wa Dirasah wa Tahqiq*, Makkah: al-Maktabah al-Faisaliyyah.
- Al-Zarkashi. (1984). *Al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*, Kaherah: Dar al-Turath.
- Al-Zurqani (1995). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.
- Asep Mustofa Kamal & Ro'yu Nahriya. (2022). Implikasi Keragaman Qiraat Al-Quran Terhadap Tafsir dan *Istinbat Hukum*. *Al-Bayan: Jurnal Studi Ilmu Al- Qur'an dan Tafsir*, 6(2), 27-44.
- Fraenkel JR & E. Wallen. (2007) *How to Design and Evaluate Research in Education*. Singapore. Mc Graw Hill.
- Ibn al-Jazari. (1980) *Munjid al-Muqriin wa Murshid al-Talibin*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari.(2006). *al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah.(1998). *Rawdah al-Nadhir wa Jannah al-Manadhir*, Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Ibn Taimiyyah. (1972). *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*, Damshik: Dar al-Quran al-Karim.
- Izuli Dzulkifli dan Adibah Bahori .(2016). Peranan Qira'at dalam Pentafsiran Al-Quran. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 103-111.
- Khalid Hasan Abu al-Jud.(2006). *Al-Raud al-Nadir fi Tahrir Awjuh al-Kitab al-Munir*, Kaherah: Dar al-Sahabah.
- Makki Abi Talib al-Qaisi.(1960). *al-Ibanah 'an Ma'ani al-Qiraat*, Kaherah: Dar Nahdah Misr.
- Mohd A'Tarahim bin Mohd Razali.(2016). Qiraat Mutawatir dan Kesannya kepada Hukum Fiqh:Kajian Pengetahuan dan Pendedahan dalam Kalangan Ilmuwan Islam di Terengganu. *Tesis Doktor Falsafah*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Nazri Ahmad, Muhd Najib Abdul Kadir & Haziyah Hussin .(2016). Pengaplikasian Kaedah Tafsir al-Qur'an dengan Qiraat oleh Muhammad Said bin Umar di dalam Tafsir Nurul Ihsan, *Jurnal al-Turath*, 1(1), 65-73.
- Mohd Ridwan Razali, Mustaffa Abdullah, Mohd Muhiden Abd Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan. (2020). Aliran Islah Dalam Tafsir al-Qur'an: Analisis Terhadap Elemen Pemikiran Islah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (TGNA) dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGH). *AL-BASIRAH*, 10(2), 17-36.
- Muhammad Irham. (2020). Implikasi Perbedaan Qiraat Terhadap Penafsiran al-Quran. *Al-Bayan: Jurnal Studi Ilmu Al- Qur'an dan Tafsir*, 5(1), 54-61.
- Muhammad Tamim al-Zu'bi.(2015). *Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*, Madinah Munawwarah: Muassasah Alif Lam Mim li al-Taqniyah.
- Muhammad 'Umar Salim Bazmul.(1993). *Al-Qiraat wa Atharuha fi al-Tafsir wa al-Ahkam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Umm al-Qura Saudi Arabia.
- Muhammad Ahmad Muflih al-Qudat, Ahmad Khalid Shukri & Muhammad Khalid Mansur. (2001). *Muqaddimat fi 'Ilm al-Qiraat*, Amman-Jordan: Dar 'Ammar.
- Mustafa Abdullah & Mohd Asmadi Yaakob. (2003). Pengajian Tafsir di Kelantan: Satu Tinjauan Sejarah. *Jurnal Usuluddin*, 17, 107-122.
- Mustafa Sa'id al-Khin. (2000). *Al-Kafi al-Wafi fi Usul al-Fiqh al-Islamiy*, Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Nuruddin 'Itr.(1993). *'Ulum al-Quran al-Karim*, Damshik: Matba'ah al-Sabah.
- Sabri Mohamad. (2016). Pengaruh Ilmu Qira'at dalam Pengajian Islam. *Jurnal al-Turath*, 1(1), 1-12.

Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, Mohd Manawi Mohd Akib & Abdul Azis Awang Kechik. (2019). Pengajian Tafsir Al-Quran di Pondok Moden Bachok: Satu Tinjauan Awal. *5 th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*, 262-269.

Yusoff, M., Ab Ghani, A., Mohd Noor, N., Amran, N. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu qiraat: Satu Kajian Di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (Kias). *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (Ijpec)*, 6(38), 13-23.

Yusoff, M., Ab Ghani, A., Amran, N., Abdullah, A. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu qiraat: Satu Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat MAIK. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 449-458.